

02/02/2001

PM, TPM dijangka hadir rumah terbuka kebangsaan Ahad

GEORGETOWN, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah antara tetamu khas yang dijangka hadir di majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina peringkat kebangsaan di sini, Ahad ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Pulau Pinang, Datuk Kee Phaik Cheen, berkata tetamu lain termasuk beberapa menteri pusat dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), serta lebih 3,000 undangan lain.

Katanya, rumah terbuka itu akan diadakan di sekitar kawasan Lebu Cannon di sini, bermula jam 5 petang dan dijangka berakhir jam 11 malam.

Antara acara diatur bagi memeriahkan majlis itu ialah jamuan terbuka, persembahan kebudayaan pelbagai kaum, Orkestra Simfoni Pulau Pinang, tarian Singa kumpulan dari Johor yang menjadi juara 11 kali peringkat dunia dan persembahan nyanyian artis popular, Elaine Kang.

Beliau berkata, pemilihan Lebu Cannon sebagai lokasi majlis rumah terbuka itu memang sesuai kerana kawasan itu mempunyai banyak tokong cina bersejarah serta bangunan warisan yang terkenal di seluruh dunia.

"Pemilihan Jawatankuasa Pelancongan Pulau Pinang untuk menganjurkan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina peringkat kebangsaan itu adalah satu penghormatan kepada rakyat dan negeri ini," katanya dalam sidang akhbar mengenai majlis itu di Komtar di sini, hari ini.

Sempena majlis itu, Kee berkata, orang ramai juga berpeluang menyaksikan loceng seberat 2.5 tan metrik setinggi 1.5 meter yang sudah tidak digunakan lebih 100 tahun lalu.

"Loceng bersejarah yang diberi kepada pihak pengurusan Tokong Ular pada 1886 dibawa dari Sungai Tiram, Bayan Lepas dan ditempatkan di pentas khas yang dibina sempena majlis itu," katanya.

Buat pertama kali juga sebuah syarikat minuman menyediakan 20,000 cawan minuman percuma kepada orang ramai dan tetamu yang hadir pada hari itu.

(END)